

**NO. SOALAN: 38**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN**

**TARIKH : 22 MAC 2017**

**RUJUKAN : 9660**

**SOALAN:**

**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah laporan sindiket penjualan bayi oleh 101 East Al-Jazeera benar. Apakah hasil siasatan dan tindakan polis susulan siaran Al-Jazeera.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan berkait Jalan Tun Razak Repot 8990/16 mengenai dokumentari oleh 101 East-Al Jazeera bertajuk "*Malaysia: Babies for Sale*" yang dipaparkan di media sosial pada 25 November 2016. Dokumentari berdurasi selama 25 minit dan 50 saat tersebut adalah mengenai sindiket penjualan bayi di Malaysia melibatkan pengedar, doktor serta pegawai Kerajaan. Kes berkenaan diklasifikasikan di bawah Seksyen 14 *Anti Trafficking In Person and Anti Smuggling of Migrants Act 2007* (ATIPSOM) dan Seksyen 18 Akta Kanak-Kanak 2001.

PDRM bersama Bahagian Amalan Kesihatan, Kementerian Kesihatan telah menyerbu dan memeriksa 3 buah klinik iaitu 2 buah klinik swasta di Klang dan sebuah klinik swasta di Puchong, serta 4 buah rumah di Seremban dan Selangor pada 30 November 2016.

Dalam semua serbuan yang dijalankan, seramai 6 orang telah ditangkap iaitu seorang lelaki Melayu, seorang lelaki India, seorang wanita dari Sabah dan 2 orang wanita India yang dipercayai terlibat dalam aktiviti pemerdagangan bayi. Turut dirampas dalam serbuan tersebut ialah spesimen dan dokumen berkaitan dengan aktiviti berkenaan.

**PDRM telah menangkap seorang lelaki dan seorang wanita warga Indonesia pada 3 Disember 2016 untuk membantu siasatan. Jumlah keseluruhan tangkapan adalah seramai 8 orang.**

**Hasil soal siasat yang dijalankan mendapati bahawa aktiviti penjualan bayi ini bermula sejak tahun 2012 hingga September 2016. Harga yang dikenakan terhadap individu yang berminat adalah sekitar RM3,500 hingga RM6,700.**

**Seramai 7 orang yang disyaki telah dibebaskan dengan jaminan polis, sementara seorang suspek telah dituduh di bawah Seksyen 15 (1) (c) Akta Imigresen dan dikenakan hukuman 7 bulan penjara. PDRM masih meneruskan siasatan dan akan merujuk kertas siasatan kepada Timbalan Pendakwaraya untuk arahan lanjut.**